

SK Hulu Kelang banjir lagi

AMPANG - Sekolah Kebangsaan Hulu Kelang serta kawasan perumahan berhampirannya di sini sekali lagi dilanda banjir kilat, petang semalam.

Penolong Pengarah Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat negeri, Mohd Sani Harul berkata, kejadian berpunca daripada hujan lebat kira-kira jam 3.30 petang di kawasan terbabit dan menyebabkan air Sungai Kelang melimpah.

"Air sungai deras melimpah dari

Jalan Penghulu ke kawasan sekolah berkenaan menyebabkan sekolah itu dinaiki air setinggi 0.3 meter hingga 0.5 meter.

"Punca banjir di kawasan itu dipercayai dari sungai Gisir yang mengalir sangat deras ke Sungai Kelang dan menyebabkan air Sungai Kelang melimpah," katanya.

Mohd Sani berkata, kejadian itu turut mengakibatkan lebih lapan rumah berhampiran sekolah itu turut dinaiki air.



Hujan lebat menyebabkan banjir kilat dan beberapa rumah dinaiki air.